

25 pelajar Wuyi University China sertai Kursus Kejuruteraan di UMS

US 18.8.2018 A4

KOTAKINABALU: Seramai 25 pelajar Wuyi University China kini mengikuti kursus profesional Artificial Intelligence (Fuzzy Logic) Optimization Engineering di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Kursus kejuruteraan selama 16 hari itu dikendalikan oleh Fakulti Kejuruteraan (FKJ) UMS.

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FKJ Ismail Saad berkata ia adalah menjadi satu kebanggaan untuk menganjurkan kursus yang disertai oleh pelajar dari luar negara.

"Ia merupakan hasil hubungan baik kerjasama yang telah terjalin antara UMS dan Wuyi University, sekali gus menjadi medan perkongsian ilmu untuk manfaat kedua-dua universiti.

"Kita mengharapkan agar lebih banyak program seperti ini pada masa-masa akan datang termasuk kerjasama dalam bidang penyelidikan



ISMAIL (dua kiri) menerima cenderahati daripada pensyarah Wuyi University sambil diperhatikan Ho (kiri).

dan pengajian peringkat pascasiswazah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu majlis di FKJ bagi mengalu-alukan kehadiran kesemua pelajar universiti berkenaan.

Kursus yang diadakan sehingga 24 Ogos itu turut memberi ruang kepada para pelajar Wuyi University untuk mengenali negeri Sabah dengan lebih dekat melalui beberapa lawatan ke destinasi

menarik yang terdapat di negeri ini.

Hadir sama pada program itu, Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global UMS Prof Dr Ho Chong Mun.